

27/06/2002

Pelajar UIAM sampaikan memorandum sokongan

GOMBAK, Rabu - Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melahirkan sokongan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagaimana digariskan dalam pelan peralihan kuasa yang diumumkan Majlis Tertinggi Umno.

Sokongan itu dinyatakan dalam bentuk memorandum yang disampaikan oleh sekumpulan pelajar anjuran Sahabat, iaitu gabungan mahasiswa proaspirasi kerajaan di UIAM, kepada Pemangku Rektor universiti berkenaan, Profesor Dr Ismawi Zen, di depan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di sini, hari ini.

Antara kandungan memorandum berkenaan ialah mereka sentiasa berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir, sebulat suara menyatakan sokongan terhadap keputusan Perdana Menteri serta ahli Majlis Tertinggi Umno itu.

Selain itu, mereka juga akan terus memberi sokongan kepada semua usaha kerajaan dalam memperjuangkan keamanan, pembangunan dan perpaduan di Malaysia.

Presiden Sahabat, Mohd Najib Mohamad Rushdi, berkata memorandum berkenaan juga bertujuan mengalu-alukan keputusan Dr Mahathir menanggungkan peletakan jawatan beliau bagi membolehkan suatu proses peralihan kuasa yang licin dan teratur.

Bagaimanapun, beliau agak terkilan dengan kekurangan sambutan pelajar UIAM secara keseluruhan terhadap program penyampaian memorandum berkenaan atas pelbagai faktor, termasuk kesibukan menghadiri kuliah selepas baru memulakan pengajian sesi ini.

Selain itu, beliau juga tidak menafikan kenyataan masih ramai pelajar UIAM cenderung kepada fahaman politik pembangkang, di samping kemungkinan ada berlaku sabotaj berikutan penemuan risalah berunsur hasutan bahawa perhimpunan itu adalah piket anjuran Umno.

Bagaimanapun, katanya, pelajar proaspirasi kerajaan di UIAM akan terus berusaha mendapatkan sokongan padu terhadap dasar kerajaan, termasuk mempertingkatkan penekanan terhadap perjuangan untuk kebaikan dan kebajikan masyarakat.

"Kami akan berusaha tunjukkan kepada orang luar bahawa bukan semua pelajar UIAM menyokong pembangkang. Kami menyokong penuh kepemimpinan Dr Mahathir dan bakal pengganti beliau.

"Kami juga berharap Abdullah akan meneruskan keharmonian, pembangunan dan kemajuan negara sekali gus memenuhi impian serta kriteria Malaysia sebagai sebuah negara Islam," katanya.

Sementara itu Pengarah Bahagian Pembangunan, Disiplin dan Hal Ehwal Pelajar UIAM, Wan Mohd Hilmi Wan Kamal, berkata memorandum berkenaan akan diserahkan ke pejabat Jabatan Perdana Menteri secepat mungkin.

Katanya, UIAM menyokong kepemimpinan kerajaan dan pelaksanaan pelan peralihan kuasa bagi memastikan kestabilan negara, ekonomi dan politik berkekalan.

Katanya, Malaysia sudah berjaya membuktikan kepada dunia kemampuan kerajaan memimpin negara berbilang bangsa.

Mengenai dakwaan UIAM masih menjadi lubuk pembangkang, beliau berkata, sebenarnya kebanyakan pelajar universiti itu lebih menumpukan perhatian kepada akademik dan aktiviti kebajikan berbanding kegiatan politik berbentuk partisan.

"Pihak universiti sentiasa memantau pelaksanaan program pelajar dan

tidak teragak-agak mengambil tindakan sekiranya mendapati ada yang menyeleweng daripada objektif sebenar," katanya.

(END)